

# **بسم الله الرحمن الرحيم**

## **BAB 1**

### **HAI DH**

#### **Istilah**

Haidh dari segi bahasa berarti mengalir .

Pada syara' berarti darah yang keluar dari rahim perempuan atas jalan adat pada umur baligh diwaktu yang tertentu.

#### **Warna-warna darah haidh**

Pada mazhab Syafie dan jumhur ulamak warnanya adalah hitam, merah, keemasan, kuning dan keruh .

#### **Sifat darah**

1. Pekat
2. Panas
3. Keluar perlahan
4. Berbau busuk

#### **Umur haidh**

Disisi jumhur ulamak ialah 9 tahun berdasarkan kebiasaan kerana ketiadaan nas.

#### **Darah Sebelum 9 Tahun**

Darah yang keluar sebelum umur 9 tahun adalah darah fasad dan bukannya darah istihadah dan jika tidak sampai 15 hari genap 9 tahun maka boleh dikira haidh.

#### **Umur Putus Haidh**

Tidak ada ketentuan dalam umur penghabisan keluar haidh cuma sekitar 60 tahun dengan lebih atau kurang daripada itu.

#### **Tempoh Keluar Darah Haidh**

- a. Menurut jumhur ulamak yaitu Syafie, Hanbali, Atha', Abu Thaur, Al-Auza'i dan Ishaq sekurang-kurang haidh sehari semalam kerana dalil istiqrak.
- b. Tempoh biasa adalah 6 atau 7 hari.
- c. Tempoh terpanjang bagi haidh adalah 15 hari dan malamnya .

d. Tempoh minimum bagi masa suci adalah 15 hari dan malamnya .

Tidak ada had bagi tempoh maksimum masa suci antara dua haidh .

### Darah Ketika Hamil

Menurut fuqahak Syafi'iyyah dan Malikiyyah darah yang dilihat semasa hamil adalah haidh .

### Haidh Berselang Dengan Suci

Pendapat Pertama :

Hari bersih dikira sebagai haidh dengan 3 syarat :

1. Hari bersih dicelah hari haidh
2. Tempoh bersih tidak lebih 15 hari
3. Darah kedua yang keluar mencapai sehari semalam

Pendapat Kedua :

Berdasarkan talfiq yaitu hari bersih bukan dikira hari haidh. Masalah ini hanya berkait dengan sembayang, puasa dan seumpamanya tidak termasuk bilangan iddah.

### Darah Sebelum Bersalin

Darah yang keluar ketika sakit hendakm bersalin adalah darah fasad dan yang keluar semasa sedang bersalin adalah darah tolaq dan jika keluar lebih sehari semalam sebelum bersalin dan terputus dari masa bersalin adalah darah haidh.

### Berhenti Darah

Menurut jumhur ulamak yaitu Syafi'e, Hanafi dan Maliki dengan ketiadaan warna darah dan warna kuning dan keruh dibahagian dalam faraj bukan dibahagian luar sekalipun masih ada cairan keputihan seperti susu.

Warna kuning atau keruh yang terasing dari haidh tidak dikira haidh.

### Larangan Keatas Perempuan Haidh

1. Solat.

Masalah :

- i- Jika suci pada masa yang sempat serakaat sembahyang maka wajib ditunaikan solat tersebut dengan tiada khilaf.
- ii- Jika tidak sempat masa serakaat sembahyang maka qaul yang asah wajib ia qadha sembahyang tersebut bersama sembahyang sebelumnya yang harus jamak.
- iii- Jika datang haidh dalam waktu solat yang belum ditunaikan maka wajib diqadha jika sempat masa sekurang-kurang solat dan tidak wajib qadha jika tidak sempat masa sekurang-kurang solat menurut pendapat yang sahih.
- iv- Pendapat yang mewajibkan perempuan haidh berwuduk dan bertasbih pada waktu-waktu solat adalah dhaif.

## 2. Puasa

Haram dan tidak sah mengerjakan puasa Ramadhan dengan ijma' .

Wajib menqadha puasa Ramadhan dengan ijma' .

Masalah :

- i- Batal puasa dengan keluar darah haidh sekalipun sekejap sebelum terbenam matahari dan wajib qadha.
- ii- Wajib berpuasa jika berhenti darah sekejap sebelum terbit fajar sekalipun tidak sempat mandi .
- iii- Puasa yang telah dikerjakan sekerat jalan diberi pahala .
- iv- Meninggalkan puasa kerana mematuhi larangan syara' juga diberi pahala.

## 3. Tawaf

Haram dan tidak sah mengerjakan tawaf fardhu (ifadhah) atau sunat dengan ittifaq ulamak .

Masalah :

Perempuan haidh yang belum mengerjakan tawaf rukun dan tidak mampu untuk menunggu sehingga hari sucinya harus memilih salah satu pendapat-pendapat berikut :-

- i- Menggunakan ubat untuk menghentikan darah kemudian mandi dan tawaf.
- ii- Bertaqlid kepada mazhab Hanafi yang berkata dengan sah tawaf perempuan yang tidak putus darah haidh

ii- Bertaqlid kepada pendapat Imam Malik yang berkata

jika telah ia kerjakan tawaf Qudum dan Sa'i selepasnya maka gugur kewajipan tawaf rukun.

#### 4. Membaca Quran dan Sentuhnya

Haram disisi jumhur ulamak jika diniatkan membaca Quran sekalipun satu kalimah atau satu huruf.

Tidak haram melihat Quran atau membaca didalam hati

Harus atas yang haidh melakukan ibadah seperti berzikir, membaca tahlil, tahmid, tasbih, berdoa dan membaca kitab-kitab selain Al-Quran seperti hadith, fiqh dan seumpamanya.

Masalah :

Jika perempuan yang haidh takut hilang hafalan maka harus dilakukan perkara berikut :

- i- Membacanya didalam hati tanpa melafazkan menurut pendapat jumhur ulamak.
- ii- Jika tidak berhasil dengan membaca didalam hati maka harus ia taqlid pendapat mazhab Maliki yang mengharuskan yang haidh membaca Quran.

#### 5. Berhenti Dalam Masjid

#### 6. Talaq

Haram atas suami menceraikan isteri yang sedang haidh tetapi cerai tersebut adalah berlaku.

Cerai didalam iddah hanya berlaku pada ketika hamil kerana diyakini iddah selesai dengan beranak atau suci yang belum dijima' kerana iddah selesai dengan tiga quru'.

Suami yang menceraikan isteri didalam haidh wajib meruju' semula isterinya untuk diceraikan semula menurut syara' dan dengan paksaan jika enggan.

#### Keadaan-kedaan Yang Diharuskan Talaq Ketika Haidh

- i- Suami menjatuhkan talaq keatas isteri yang haidh didalam iddah raj'i.
- ii- Suami menta'liqkan talaq dengan berakhir haidh isteri.
- iii- Suami menjatuhkan talaq keatas isteri haidh yang belum pernah dijima'.

- iv- Isteri yang berhaidh itu hamil.
- v- Dengan tebus talaq.
- vi- Isteri yang habis tempoh illa' meminta suami menjatuhkan talaq ketika haidh kerana suami enggan menyetubuhinya ketika suci.
- vii- Talaq yang dijatuhkan oleh hakim atau qadhi.

### Iddah Talaq

Selesai iddah perempuan yang mempunyai haidh dengan tiga kali suci.

Firman Allah :

- وَالْمُطْلَقَاتِ يَنْرَبِضُنَّ بِأَنفُسِهِنَّ ثَلَاثَةٌ قَرُوءٌ -

Artinya :

"Perempuan-perempuan yang ditalak itu hendaklah menahan diri mereka selama tiga quru'."

Perempuan yang tidak ada haidh hendaklah beriddah selama tiga .

### 7- Jima' Isteri Haidh

Haram dengan ijma' sekalipun dengan berlapik.

Firman Allah :

- فَاعْنَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيطِ -

Artinya :

"Maka jauhilah akan isteri-isteri didalam masa haidh"

Haram jima' ini berkekalan sekalipun setelah kering darah sebelum mandi kerana firman Allah :

- وَلَا تَقْرِبُوهُنَّ حَتَّىٰ يُطَهَّرْنَ فَإِذَا تُطَهَّرْنَ فَأُتُوا هُنَّ مِنْ حِلٍّ أَمْرَكُمُ اللَّهُ -

Artinya :

" Dan jangan kamu hampiri mereka itu sebelum mereka suci. Maka apabila mereka telah bersuci maka datangilah mereka itu menurut apa yang diperintahkan akan kamu oleh Allah."

Masalah :

Jika suami takut jatuh kepada zina maka diharuskan jima' isteri ketika didalam haidh.

### Kifarah Jima' Isteri Haidh

Tidak wajib disisi jumhur membayar kifarah cuma sunat menurut sebahagian fuqahak kifarah satu dinar pada ketika kuat darah dan setengah dinar pada ketika perlahan darah dan tiada kifarah pada ketika kering darah sebelum mandi.

### 8- Istimta' Diantara Pusat Dan Lutut

Haram disisi jumhur ulamak.

Masalah :

- Harus isteri haidh menggauli sekelian tubuh suami termasuk zakar dengan sekelian anggota badan isteri selain antara pusat dan lutut isteri.
- Harus berkhidmat untuk suami seperti menyikat rambut, memasak, menghidangkan makanan dan minuman dan lainnya tanpa makruh.
- Harus isteri berbaring dalam satu selimut dengan suami dengan memakai kain.
- Sah nikah perempuan yang sedang haidh.

### 9- Mandi

Haram mandi dengan niat mengankat hadas dan tidak makruh memotong kuku dan sebagainya sebelum mandi.

## BAB 2

### **ISTIHADHAH**

Istihadhah menurut syara' ialah darah yang keluar sebab penyakit pada urat 'adzil didalam rahim pada selain waktu haidh dan nifas.

### Perempuan-perempuan Mustahadhah Dizaman Nabi saw

Ummu Habibah binti Jahsy, Zainab Ummul Mukminin, Fatimah binti Abi Hubaish, Hamnah binti Jahsy, Sahlah binti Sahal, Zainab binti Jahsy, Zainab binti Ummi Salamah, Saudah binti Zam'ah, Asma' binti Murthad, Badiyah binti Ghailan dan Asma saudara Maimunah radhiyallahu 'anhunna.

### Lima Jenis Darah Istihadhah

- 1- Kurang dari tempoh minimum haidh

- 2- Melebihi tempoh maksimum haidh
- 3- Sebelum umur haidh
- 4- Melebihi tempoh maksimum nifas
- 5- Melebihi tempoh kebiasaan bagi haidh dan nifas serta melebihi tempoh maksimum haidh dan nifas

#### Empat Keadaan Istihadahhah

i- Keluar darah melebihi 15 hari dari perempuan yang belum pernah haidh dan tidak dapat membezakannya.

Menurut pendapat yang paling sahih dalam mazhab Syafie hari haidhnya hanya sehari semalam sahaja dan sucinya 29 hari kerana sehari itu adalah haidh yang diyakini.

ii- Keluar darah haidh melebihi 15 hari dari perempuan yang belum pernah haidh tetapi dapat membezakan darah dengan sifat-sifatnya. Seperti keluar pada mulanya berwarna hitam kemudian berwarna merah maka pada ketika darah hitam itu dikira haidh dan selebihnya adalah istihadahhah .

iii- Keluar darah melebihi hari yang yang ia pernah haidh dan tidak dapat membezakannya.

Perempuan ini wajib imsak dari beribadah kerana mungkin darahnya berhenti selepas 15 hari. Jika berhenti sebelum 15 hari maka sekelian hari tersebut adalah haidh.

Jika melebihi 15 hari maka darah tersebut adalah istihadahh maka wajib dilakukan mandi.

Jika tidak dapat dibezakannya maka kembali kepada hari-hari yang biasa ia berhaidh dan selebih hari biasa adalah istihadahh dan wajib diqadha solat yang ditinggal pada hari selebih hari biasa itu.

Jika berulang pada bulan seterusnya maka hendaklah ia terus berhaidh pada hari biasanya tanpa imsak.

iv- Perempuan yang biasa haidh pada tempoh tertentu dan dapat membezakan sifat-sifat darah.

Jika biasa ia berhaidh 7 hari kemudian datang darah berwarna hitam selama 10 hari dan selebihnya berwarna merah maka ia dikira haidh selama 10 hari kerana menilik kepada sifat darah haidh yang satu bukannya 7 hari.

Jika datang darah melebihi 7 hari biasa tanpa berbeza sifat maka dikembalikan pada hari yang biasa ia berhaiidh.

### Hukum Berkaitan Perempuan Mustahadhab

Perempuan yang mengalami istihadhab adalah sama hukumnya dengan perempuan yang suci pada wajib menunaikan solat dan lainnya melainkan pada beberapa perkara berikut :

#### 1. Istinja

Selepas melakukan istinja hendaklah menahan darah dari keluar seperti menaruh kapas dan jika kuat darahnya hendaklah memakai ikatan seperti cawat.

#### 2. Wuduk

Wuduk wajib dikerjakan selepas masuk waktu solat disisi jumhur ulamak.

Wajib mengambil wuduk untuk setiap solat fardhu atau qadha dan tidak wajib mandi melainkan sekali ketika tamat haidh .

Adapun solat sunat maka harus dikerjakan seberapa banyak yang ia kehendaki.

#### 3. Solat

Wajib segera megerjakan solat kerana mengurangkan hadas .

#### 4. Masuk Masjid dan Membaca Quran

Harus perempuan mustahadhab masuk kedalam masjid untuk solat atau i'tikaf atau membaca Quran dengan syarat menjaga dari titik darah.

#### 5. Tawaf

Harus melakukan tawaf dengan menjaga dari titik darah .

#### 6. Jimat

Harus jima' isteri mustahadhab disisi jumhur ulamak pada waktu yang selain waktu haidh .

## **BAB 3**

### **PEREMPUAN MUTAHAYYIRAH**

Perempuan mutahayyirah bermaksud seorang perempuan yang bingung tidak mengetahui atau lupa masa haidhnya dan bilangan hari yang ia biasa berhaiidh.

## Hukum Perempuan Mutahayyirah

1. Wajib mengerjakan solat fardhu selama-lamanya kerana ia berkemungkinan didalam kekal suci dan harus dikerjakan solat sunat tanpa batas.
2. Haram suami menyetubuhinya dan istimta' pada barang antara pusat dan lutut menurut pendapat yang asah.
3. Haram membaca Quran melainkan didalam sembahyang.
4. Haram menyentuh Quran dan membawanya.
5. Harus berhenti didalam masjid jika tidak takut mengotorinya.
6. Wajib mandi pada setiap waktu solat kerana kemungkinan berhenti darah pada waktu itu dan wajib mengenakan ikatan yang baru pada faraj.
7. Tidak sah menjadi imam bagi kaum perempuan.
8. Tidak wajib membayar fidhyah bila berbuka puasa kerana menyusukan anak.
9. Wajib suami beri nafaqah sekalipun tidak dapat menyetubuhinya.
10. Tidak sah khar fasakh oleh suami.
11. Beriddah selama 3 bulan bukan dengan quru' jika tidak hamil.

## **BAB 4**

### **NIFAS**

Pada bahasa berarti beranak dan pada sudut syara' bermakna darah yang keluar dari rahim kemudian daripada beranak.

#### Tempoh Nifas

- a. Tiada tempoh minumum bagi nifas dengan ittifaq ulamak fiqh.
- b. Kebiasaan perempuan mengalami nifas selama 40 hari.
- c. Tempoh maksimum bagi nifas ialah 60 hari .

Masalah :

- i. Apabila tidak keluar darah melainkan selepas 15 hari dari hari beranak selama sehari atau lebih maka dikira darah haidh .

- ii. Jika keluar darah sebelum 15 hari dari hari beranak maka permulaan nifasnya adalah dari hari permulaan keluar darah bukan dari permulaan beranak.
- iii. Jika berhenti darah setelah keluar beberapa hari dan masa berhenti itu selama 15 hari atau lebih kemudian keluar darah selama sehari semalam atau lebih maka darah pertama adalah nifas dan yang kedua adalah haidh .
- iv. Jika darah yang kedua tidak sampai sehari semalam maka darah tersebut adalah darah fasad .
- v. Jika darah yang kedua itu lebih dari 15 hari maka dikira darah istihadah.
- vi. Jika berhenti darah nifas sebelum 40 hari maka hendaklah ia mandi dan mengerjakan solat dan kewajipan-kewajipan yang lain.
- vii. Jika berterusan darah melebihi 60 hari maka dikira darah istihadah.

### Keguguran

Jika berlaku keguguran yaitu keluar anak tidak sampai usia 6 bulan sekalipun mudghah atau 'alaqah yang akan menjadi janin maka hukumnya sama dengan beranak dan darah yang keluar selepasnya bersamaan dengan hukum darah nifas.

### Nifas Beranak Kembar

Darah nifas hanya bermula setelah selesai melahirkan semua anak yang dikandung.

### Nifas Beranak Melalui Pembedahan

Seorang perempuan yang beranak kemudian tidak melihat keluar darah dari farajnya maka ia dikira telah suci dan tamat iddahnya jika ia didalam iddah samada beranak melalui faraj atau melalui perut yang dibedah.

### Mandi Nifas

Mandi setelah suci dari nifas adalah wajib dengan ijma' ulamak kerana darah nifas asalnya adalah darah haidh yang terkumpul didalam rahim setelah berlaku kehamilan.

### Mandi Wiladah (Beranak)

Jika seorang perempuan melahirkan anak dan tiada sertanya nifas maka wajib ia melakukan mandi wiladah yakni beranak disisi jumhur ulamak.

Perempuan yang telah berhenti darah nifasnya hanya wajib melakukan sekali mandi sahaja sekalipun ada padanya dua hadas iaitu wiladah dan nifas.

## Persamaan Nifas Dengan Haidh

Hukum-hukum yang bergantung dengan perempuan yang mengalami nifas kebanyakannya adalah sama dengan hukum perempuan yang mengalami haidh yakni apa yang diharamkan ketas perempuan haidh juga diharamkan ketas perempuan yang mengalami nifas dan demikian juga dengan apa yang dihalalkan baginya.

## Perbezaan Antara Nifas Dengan Haidh

1. Nifas tidak menjadi syarat untuk beristibra' sebagaimana haidh menjadi syarat untuk beristibra'.
2. Nifas tidak termasuk tanda-tanda baligh sebagaimana haidh kerana terdahulu tanda baligh dengan hamil.
3. Haidh tidak memutuskan muwalat puasa kifarat bersalahan dengan nifas menurut qaul yang terlebih asah.

Alhamdulillah. Selesai dengan taufiq dan hidayah daripada Allah swt

Azhar Idrus

Surau Ladang

[www.surau.ladang.net](http://www.surau.ladang.net)